

24/09/1997

Penjaja serah memorandum

Nazri Mohamad

KUALA LUMPUR, Selasa - Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Wilayah Persekutuan (PPPKWP) menyerahkan memorandum bagi membincangkan pemindahan penjaja di Chow Kit kepada wakil Perdana Menteri di Jabatan Perdana Menteri di sini, hari ini.

Yang Dipertua PPPKWP, Baharim A Razak serta beberapa wakil persatuan menyerahkan memorandum itu kepada wakil Perdana Menteri, Mohd Elias Abu Bakar dan Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Datuk Samsudin Osman kira-kira jam 2 petang.

Menurut Baharim, kandungan utama memorandum itu ialah meminta campur tangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menyelesaikan masalah penjaja Chow Kit dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Katanya, persatuan memohon campur tangan Perdana Menteri kerana rundingan dengan DBKL berhubung pemindahan tapak gerai penjaja di Jalan Haji Taib tidak dipersetujui penjaja Chow Kit serta menuntut tapak gerai di Jalan Chow Kit.

"Dalam memorandum itu juga kami merayu supaya DBKL memberikan permit sementara kepada 4,000 penjaja tak berlesen di ibu negara supaya mereka dapat meneruskan perniagaan," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Katanya, memorandum itu juga meminta DBKL berhenti menyita dan merobohkan gerai penjaja sesuka hati seperti di Taman Setiawangsa semalam kerana tindakan itu menyebabkan ramai penjaja dan peniaga kecil teraniaya dan kerugian.

"Kami berharap Dr Mahathir dapat menugaskan orang tertentu untuk membantu kami menyelesaikan masalah ini kerana rundingan antara PPPKWP dan DBKL tidak mencapai persetujuan bersama," katanya.

Baharim berharap masalah itu diselesaikan secepat mungkin kerana aktiviti dan pendapatan ramai penjaja dan peniaga kecil terancam dan sering kerugian akibat tindakan DBKL meroboh dan menyita gerai.

Selain itu, katanya, tindakan kira-kira 40,000 penjaja dan peniaga kecil di seluruh ibu kota menutup perniagaan selama dua hari bermula semalam sebagai tanda simpati dan menyokong perjuangan PPPKWP.

"Kami tidak berniat menyusahkan orang ramai. Esok, perniagaan di ibu kota akan berjalan seperti biasa," katanya.

(END)